

# 4 rakan kongsi idea mantapkan MNZWAJA

» Penggabungan firma audit beri kelebihan strategik, mudah perluas operasi

Oleh Aizuddin Sopian  
aizuddin@bharian.com.my

**K**ebilehan mengurus operasi, kewangan serta kakitangan amat penting dalam memastikan sesebuah perniagaan itu kekal berdaya tahan dan terus mengecapi sasaran perkembangan operasi yang dirancang.

Itulah yang dilaksanakan empat rakan niaga iaitu Mohd Nasri Ismail, 47; Muzammil Hafiz, 45; Zulkepli Marzuki, 45 dan Taqi-yuddin Amini Abdul Satar, 41, dalam menguruskan firma profesional mereka, MNZWAJ Associates (MNZWAJA).

Ditubuhkan pada 2008, firma itu adalah gabungan tiga firma pengauditan dengan kepakaran dan pasaran berlainan, memabatkan MNZ Associates, Wan Ali Jaafar Associates, dan MH Associates.

MNZWAJA adalah firma profesional yang menyediakan perkhidmatan rundangan perniagaan, perakaunan, pengauditan, percukaian dan pengiraan zakat.

Ia kini mempunyai cawangan di seluruh negara dan sudah mengorak langkah untuk menembusi pasaran luar negara.

"Penggabungan ini memberikan kelebihan strategik perni-

gaan seperti perkongsian kepakaran dan kelebihan teknikal serta mampu mengurangkan kos untuk mendapatkan saiz operasi yang besar.

"Selain mempunyai cawangan di setiap negeri dengan papan tanda yang konsisten, mempunyai saiz operasi besar turut memberikan kelebihan pemasaran bagi MNZWAJ Associates, Mahd Nasri.

## Rizab tunai

Selepas menempuhi krisis ekonomi pada 1997 dan 1998, banyak yang dipelajari firma itu terutama memabatkan pengurusan akaun dan operasi syarikat antaranya keperluan mempunyai rizab simpanan tunai syarikat.

"Saya sendiri pernah memandu daripada Melaka ke Kuala Lumpur dengan hanya RM10 saja. Ia mengajar saya mengenai keperluan mempunyai rizab simpanan tunai kecemasan. Wang itu hanya akan digunakan apabila keadaan betul-betul mende- sak.

"Ketika krisis itu, banyak juga syarikat gulung tikar. Apa yang kami lakukan adalah menumpukan perkhidmatan kepada klien dalam sektor perniagaan yang kekal berdaya tahan walaupun ketika krisis ekonomi.

"Kami turut berbincang dengan kakitangan mengenai keadaan syarikat. Mereka ditawarkan untuk terus bekerja dengan gaji lebih rendah atau berhenti bekerja. Namun, Alhamdulillah, tiada kakitangan yang berhenti ketika itu," kata Mohd Nasri.

Tumpuan kepada pembangu-

nan sumber manusia juga menjadi resipi kejayaan MNZWAJA. Firma itu menyediakan pelbagai peluang perkembangan karier dan pelbagai program sampingan untuk meningkatkan produktiviti dan minat untuk terus bekerja bersama syarikat.

Antara peluang yang ditawarkan kepada pekerjaannya adalah pinjaman kepada pekerja untuk sambung belajar. Hampir setiap tahun, bonus akan diberikan dan jumlah itu mewakili 30 peratus daripada keuntungan setiap tahun.

"Pelbagai program sampingan kerja diadakan seperti peningkatan kerjasama *team building*, hari keluarga, rumah terbu- ka perayaan dan hadiah tahunan bagi kakitangan dan pengurus cemerlang, iaitu satu pakej umrah setiap tahun.

"Kami turut menubuhkan koperasi pekerja yang membolehkan mereka melabur dan meraih keuntungan.

"Kini, koperasi itu melakukan perniagaan dalam bidang hartanah di Kuala Lumpur dan Melaka selain perkhidmatan lain kepada syarikat.

"Secara tidak langsung, kope- rasi ini meningkatkan perasaan pembabitan dalam syarikat dan salah satu strategi kami mengurangkan kerugian pekerja berpindah ke firma lain," kata Mohd Nasri.

MNZWAJA mempunyai visi untuk menjadi firma perakaunan Bumiputera yang mempunyai kehadiran dalam pasaran global menjelang 2030 disamping menepati ciri muamalat sejajar dengan garis panduan Islam.



## INFO

### Mohd Nasri Ismail

● **Jawatan:** Pengurus Bersama (Managing Partner), MNZWAJ Associates

● **Umur:** 47 tahun

● **Asal:** Negeri Sembilan

● **Pelajaran:** Ijazah Perakuanan, Universiti Pertanian Malaysia

● **Kelayakan:** Chartered Accountants

● **Ahli:** CPA Australia, Malaysia Institute of Accountants and Institute of Cooperative Auditors

● **Jawatan sebelum:** Pembantu Pengurus PROTON dan Pengurus Unit Insurans Perniagaan dengan sebuah firma profesional

Kini, ia sudah pun mengorak langkah menerusi cawangannya di Labuan, yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat luar pesisir antarabangsa yang beroperasi di kawasan sekitar.

"Untuk permulaan, kami me-

nyasarkan pasaran Indonesia dan selepas itu negara lain di Asia Tenggara selain rantau Asia Barat," katanya.

Mohd Nasri berkata, sekali setiap lima tahun, MNZWAJA akan mengadakan mesyuarat bersama pemilik firma, iaitu 'Management's Retreat' bagi menilai prestasi syarikat dan menetapkan sasaran untuk lima tahun seterusnya.

Kini, firma yang diterajui oleh Mohd Nasri sebagai pengurus bersama itu mempunyai 130 kakitangan dengan 120 daripada ialah juruaudit profesional, manakala 10 lagi adalah kakitangan sokongan seperti kerani dan lain-lain.

Perniagaan yang mendapat sebarang perkhidmatan daripada MNZWAJA bukan saja memperoleh perkhidmatan yang dimahukan, malah mereka akan menerima tambahan perkhidmatan yang diberikan secara percuma.

"Setiap tahun, kami akan melawat klien di lokasi perniagaan mereka untuk berbincang atau sekadar bertanya khabar. Kami juga akan membantu mereka untuk mendapatkan rakan niaga menerusi pangkalan data klien kami yang meluas.

## Pelanggan jadi rakan

"Tindakan seperti ini adalah cara kami melayan klien dengan menjadikan mereka seperti rakan rapat apabila mendapatkan perkhidmatan yang kami tawarkan," katanya.

Ditanya mengenai perubahan sistem percukaian negara ini, Mohd Nasri berkata kini rejim percukaian nampaknya lebih mengutamakan pematuhan dan dokumen.

"Justeru, adalah penting untuk syarikat menjaga rekod mereka dan menyimpan segala dokumen dengan baik dan teratur, selepas itu kami akan membantu mereka menguruskan sebarang permohonan mereka kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," katanya.



Kakitangan yang komited antara pemacu kejayaan MNZWAJA.